

**MoA**  
**UTeM – Universal Horizon Sdn. Bhd.**  
**31 Mac 2021, 3.00 – 4.30 petang**  
**Bilik Mesyuarat Utama**

---

**1. Delegasi dari Universal Horizon Sdn. Bhd.**

- a. Dato' Muhd Azrainuddin Zainal  
Founder Universal Horizon Sdn. Bhd.
- b. Cik Nurshuhada Zainal  
CEO Universal Horizon Sdn. Bhd.
- c. Delegasi dari Universal Horizon Sdn. Bhd.

**2. Delegasi UTeM**

- a. Prof. Dr. Ghazali bin Omar, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- b. Datuk Azhar bin Mohamed, Penasihat Undang-Undang
- c. Prof. Madya Dr. Juhaini binti Jabar, Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
- d. Kumpulan Penyelidik, Hadirin dan Hadirat sekalian.

**PENDAHULUAN**

- 1. Selamat datang kepada Universal Horizon Sdn. Bhd. ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Selamat Datang ke Melaka Bandar Warisan Dunia UNESCO.

2. Terima kasih di atas kesudian rakan industri yang sudi untuk berkolaborasi bersama UTeM menerusi MoA yang bakal dimeterai pada hari ini.
3. Saya amat yakin kerjasama strategik ini bukan sahaja memberi manfaat terhadap perkembangan akademik dan penyelidikan di UTeM malah dapat mewujudkan sinergi yang memberi impak yang lebih dinamik kepada rakan-rakan industri.

## INTIPATI KERJASAMA STRATEGIK

1. Kerjasama strategik antara UTeM dan Universal Horizon Sdn. Bhd. menjadi bukti sinergi terbaik sumbangan kumpulan penyelidik UTeM khususnya mereka yang pakar dalam bidang Financial Technology (FinTech) bagi m solusi terbaik yang dihadapi oleh rakan industri – Universal Horizon Sdn. Bhd.
2. Saya percaya sebelum pemeteraian MoA pada hari ini, beberapa siri perbincangan yang rapi telahpun dilaksanakan di antara kumpulan penyelidik UTeM yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohammed Hariri bin Bakri dan Universal Horizon.
3. Menerusi pelaksanaan projek bersama – **DDK Blockchain Case Study and Blockchain Syariah Perspective**, kami yakin kedua-dua pihak berupaya memperoleh manfaat secara bersama, sama ada dari segi perkongsian ilmu dan kepakaran dari pihak Universiti, untuk memberi solusi terbaik kepada rakan industri bagi menyokong perkembangan dan kemajuan teknologi dan industri yang lebih mapan.

4. Bagi merealisasikan projek ini, difahamkan pihak Universal Horizon bersetuju untuk menyalurkan geran penyelidikan berjumlah RM10,000 bagi membangunkan projek secara bersama ini untuk tempoh 6 bulan. Terima kasih diucapkan.
5. Difahamkan juga, melalui penyelidikan bersama ini juga, sebanyak dua (2) artikel jurnal berindeks Scopus bakal diterbitkan.
6. Diharapkan kumpulan penyelidik UTeM dapat memberikan dedikasi dan komitmen tinggi dalam merealisasikan projek *blockchain* ini yang berupaya mengenal pasti kelemahan sistem kewangan selain mengenalpasti penggunaan teknologi *blockchain* dari sudut syariah yang terbaik untuk diaplikasikan.

## HARAPAN

1. UTeM berharap menerusi MoA ini dapat merancakkan lagi aktiviti kesarjanaan UTeM khususnya dalam menambahbaik dan memperkasakan kemahiran serta pengetahuan para penyelidik Universiti, menambahbaik kualiti penghasilan produk R&D, meningkatkan penerbitan jurnal dan sebagainya.
2. Selain itu, menerusi kerjasama strategik ini diharapkan dapat meningkatkan lagi visibiliti UTeM dan semua rakan industri sama ada di dalam maupun luar negara.
3. Namun, yang lebih penting, menerusi kolaborasi ini diharapkan ianya dapat merealisasikan hasrat UTeM dalam melahirkan lebih ramai Technology Scholars dan Solution Providers yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan kelesarian industri serta masyarakat, secara langsung turut melengkapi ekosistem akademia, industri dan masyarakat secara keseluruhannya.

## **PENUTUP**

1. Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universal Horizon di atas kepercayaan yang diberikan kepada para penyelidik UTeM di samping sokongan berterusan yang diberikan kepada UTeM. Insya Allah, menerusi kolaborasi ini secara langsung menzahirkan aspirasi UTeM menerusi konsep TUNAI – Technology@University Advancing Industry and Society.
2. Diharapkan sinergi strategik ini berterusan untuk jangka masa yang panjang, dan terus aktif menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif kerjasama yang memberikan manfaat bersama. Insya Allah.

Terima kasih.